

Isteri tolak seks disimbah asid

Suami kaki judi berang permintaan layan nafsu jam 2 pagi ditolak

ASWANY OMAR

KUANTAN – Gara-gara enggan mengadakan hubungan seks kerana pening dan tidak sihat, seorang wanita berusia 30-an cedera parah disimbah cuka getah di muka dan badannya oleh suaminya.

Dalam kejadian kira-kira jam 2 pagi itu, lelaki berumur 47 tahun yang dipercayai tahi judi naik berang apabila wanita berkenaan menolak keinginannya lalu menyimbah asid itu.

Timbalan Ketua Polis daerah, Superintendan Zulkifli Taha berkata, ketika kejadian, lelaki berkenaan pulang ke rumah mereka di Felda Bukit Sagu dalam keadaan marah dan terus masuk ke bilik sebelum mengejutkan isterinya untuk mengadakan hubungan seks.

"Bagaimanapun wanita berusia 30-an itu menolak keinginan



● Mangsa dilaporkan stabil dan dirawat di HTAA. Gambar kecil: botol berisi asid.

suaminya kerana dia tidak sihat dan sakit kepala," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Katanya, lelaki yang bekerja sebagai peneroka dipercayai pulang dari bermain judi tiba-tiba naik berang kerana isterinya menolak mengadakan hubungan kelamin

lalu mengambil cuka getah di dalam baldi di luar rumah.

Zulkifli berkata, suspek masuk kembali ke dalam rumah lalu terus menyimbah cuka getah itu ke arah muka dan badan mangsa mengakibatkan wanita itu cedera parah.

Katanya, dua anak mangsa, berusia belasan tahun yang turut berada di rumah segera bergegas mendapatkan ibu mereka untuk memberi bantuan selepas mendengar pergaduhan.

Anak mangsa, katanya, terus memanggil ibu saudara yang juga jiran sebelah untuk membawa mangsa ke klinik kesihatan Bukit Goh sebelum dikejarkan ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA).

Ekoran kejadian itu, katanya, kakak ipar mangsa membuat laporan polis di Balai Polis Panching kira-kira jam 4 pagi.

Bagaimanapun, katanya, suspek yang tidak memiliki sebarang rekod jenayah menyerahkan diri di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan dan dia ditahan reman sehingga esok.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan kerana mendatangkan cedera parah," katanya.